



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Kedah, 24 September 2024

### **Nestlé Malaysia Ganding Bahu Dengan PBSM untuk Hurlurkan Bantuan Segera Kepada Mangsa Banjir Kedah**

*Sumbangan keseluruhan berjumlah RM2 juta disampaikan kepada PBSM pada 2024 untuk usaha bantuan banjir*

Sejajar dengan komitmennya untuk menyantuni rakyat Malaysia yang memerlukan, Nestlé Malaysia sekali lagi berganding bahu dengan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) untuk menyokong usaha bantuan banjirnya sepanjang musim monsun. Inisiatif tahunan ini telah bermula di Kedah, dengan lebih 8,000 orang kini mendapatkan perlindungan di pusat-pusat bantuan banjir akibat banjir besar yang melanda baru-baru ini.

Nestlé Malaysia dan sukarelawan PBSM telah digerakkan ke lokasi untuk membantu membungkus dan mengagihkan kotak bantuan makanan yang mengandungi produk-produk Nestlé seperti MILO, MAGGI, KOKO KRUNCH, dan NESTLÉ OMEGA PLUS di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kedah, untuk menyediakan bekalan makanan segera kepada mangsa banjir.

Sebagai sebahagian daripada sokongan berterusan Nestlé kepada usaha bantuan banjir, Syarikat telah menyumbang RM2 juta kepada PBSM setakat tahun ini untuk digunakan bagi mengukuhkan kesiapsiagaan banjir pada musim monsun semasa.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, berkata, "Kerjasama kukuh kami dengan PBSM membolehkan kami bertindak balas pantas kepada keperluan komuniti yang terdesak akibat banjir. Bermula di Kedah, kami sedia memberikan sokongan di mana perlu, mengukuhkan komitmen kami untuk menabur bakti dan menaikkan semangat rakyat Malaysia terutamanya dalam suasana yang mencabar."

Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pengerusi PBSM, mengulas, "Kerjasama kukuh kami dengan Nestlé Malaysia amat berharga dalam misi kami untuk memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan. Usaha sama ini meningkatkan keupayaan kami untuk menghulurkan bantuan yang tepat pada masanya, dan amat berkesan dalam situasi kritikal seperti ini. Memandangkan kita mungkin menghadapi kesan banjir yang lebih meluas, sokongan berterusan ini sesungguhnya penting dalam usaha kami menyantuni penduduk yang terkesan di seluruh Malaysia."

Nestlé Malaysia terus bertekad menyokong masyarakat Malaysia. Syarikat akan sentiasa berganding bahu dengan PBSM untuk menghulurkan bantuan kepada penduduk di kawasan yang dilanda banjir di seluruh negara. Komitmen berterusan ini sejajar dengan misi Nestlé untuk memberikan sumbangan positif kepada masyarakat Malaysia menerusi pelbagai inisiatif CSR dan ESG Syarikat.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Nestlé, sila layari <https://www.nestle.com.my/ask-nestle/kami-nestle>

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6456  
Bimbit: +6012-235 6865  
E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

#### **Sonya Ambi atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
Bimbit: +6012-628 9733 (Sonya) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)

